



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	16/2/2012

Usah keliru soal budaya, akidah

Perbezaan, persamaan antara kaum perlu jelas difahami: Najib

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak berkata, usaha memupuk persefahaman dan kesedaran menerusi perbincangan, majlis dialog dan pendidikan amat penting supaya orang ramai memahami dengan jelas segala perbezaan dan persamaan antara kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat umpamanya tidak harus terkeliru dengan apa dimaksudkan soal kebudayaan dan soal akidah agama.

Beliau seterusnya memberi contoh kehadiran pada sambutan Thaipusam di Batu Caves baru-baru ini, yang dipertikai oleh segeintir pihak apabila beliau memakai baju kurta, iaitu baju tradisional kaum India.

"Tapi orang itu tidak sedar bahawa di India ada berjuta-juta orang India beragama Islam yang memakai kurta hari-hari. Apakah mereka itu tidak beragama Islam?" katanya selepas jamuan makan tengah hari dan majlis ramah mesra dengan pemimpin agama, yang diadakan sempena sambutan 'Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama

Sedunia' di kediaman rasminya Sri Perdana di sini, semalam.

Najib seterusnya memberi contoh pakaian dipakai oleh Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia, Datuk Mustapha Ma, yang menurutnya, mempamerkan ciri kebudayaan Cina, yang tidak seharusnya dikaitkan dengan soal akidah.

"Sudah tujuh keturunan dia beragama Islam. Ini soal kebudayaan bukan soal akidah, jadi isu seperti ini jika kita tak faham, ia boleh menimbulkan kecurigaan atau rasa benci antara kaum.

"Oleh itu, melalui jawatankuasa mempromosi persefahaman dan keharmonian antara penganut agama amat wajar kita terangkan perkara sebegini," katanya.

Najib berkata, dalam kepesatan teknologi maklumat kini, apa juga yang dituturkan pihak tertentu, ia boleh disemarakkan atau menjadi api dalam sekam yang dapat merebak dengan meluas, mengakibatkan dunia hari ini berhadapan persekitaran lebih mencabar, sekali gus menuntut usaha memupuk persefahaman dan kesedaran berterusan.

Beliau berkata, Malaysia menyanjung tinggi keharmonian dan kesejahteraan yang dikecapi selama ini hasil pengurusan yang sederhana yang memang selaras dengan ajaran Islam.

"Walaupun sebelum ini kita tidak gunakan sebutan 'wasatiyyah' (sederhana) sebenarnya dasar kita memang berpaksi kepada konsep wasatiyyah ini seperti mana dikehendaki agama. Antara wasatiyyah ini, termasuk merujuk kepada aspek hormat kepada mereka yang menganut agama lain," katanya.

Najib berkata, ajaran lain juga pada dasarnya menetengahkan soal kesederhanaan menerusi cara dan sebutan masing-masing.

Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia bertujuan membangkitkan kesedaran dan kesefahaman antara penganut agama, demi keamanan sejagat serta memacu dunia ke arah persekitaran yang lebih sejahtera dan makmur.

Najib berkata, bahawa secara ketbetulan, minggu pertama bulan ini agak unik apabila ada tiga acara yang cukup bermakna di Malaysia iaitu sambutan Maulidur Rasul, Chap Goh Mei dan Thaipusam.

"Jadi jika ada negara hendak ditonjolkan sebagai model dalam soal ini (perpaduan kaum), saya fikir tidak ada yang lebih baik dari Malaysia," kata Perdana Menteri.

Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia adalah idea Raja Jordan, Raja Abdullah II dan puteranya Ghazi Muhammad yang menjadi utusan peribadi serta penasihat kepada baginda pada Perhimpunan Agung PBB Ke-65 di New York 2010. - BERNAMA

INTERAKTIF
5 berita pilihan tertinggi BH Online:
1. Hazard dedah hajat sertain Spurs
2. Parah tangan tersepit mesin
3. Kim Swee 'selesa' undian Piala AFC
4. Isu SBPA: CUEPACS lega
5. 'Kami sedia hadapi Malaysia, Korea'

Bancian BHOnline
Lebih 3.7 juta rakyat Malaysia yang berusia 21 tahun ke atas masih belum mendaftar sebagai pemilih. Apakah langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah ini?

Tambah Penolong Pendaftar	54%
Tingkat inisiatif parti politik	19%
Perkenal pendaftaran online	23%
Perkenal pendaftaran automatik	4%

LAPORAN kenyataan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7) Bukit Aman, Datuk Abdul Jalil Hassan berhubung kes menjual bayi semakin berleluasa berikutan harga dan permintaan tinggi mendapat perhatian pembaca. Anda boleh mengikut dan memberi ulasan dengan melayari www.facebook.com/bhonline.

